

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN]

TARIKH : 24 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK DR. HASAN BIN BAHROM [TAMPIN] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan berapa jumlah peruntukan yang telah **disalurkan dan jumlah yang telah dibelanjakan** dalam menangani wabak tersebut, bagaimana Kementerian memastikan setiap perbelanjaan tidak berlaku ketirisan dan apakah jaminan Kementerian dalam memastikan wabak tersebut dapat dikawal sepenuhnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. YB Tampin tentu sekali merujuk soalan ini berkaitan dengan COVID-19. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah disediakan peruntukan sebanyak RM1billion bagi menangani wabak COVID-19 dan sehingga 7 Ogos 2020, KKM telah membelanjakan sebanyak RM720 juta bagi pembelian peralatan, bekalan perubatan, barangan guna pakai (*consumables*)/ PPE, *test kit* dan lain-lain perkhidmatan dalam usaha mengawal wabak COVID-19.

2. Dalam menguruskan perbelanjaan peruntukan COVID-19 ini, KKM telah melaksanakan perolehan darurat selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan PB 3.3 – Garis Panduan Perbelanjaan Darurat AP55 dan Perolehan Darurat AP173.2 secara teratur dan mematuhi semua peraturan Kementerian Kewangan yang berkuat kuasa. Penilaian teknikal juga telah dilaksanakan bagi semua item yang ditawarkan oleh pembekal bagi memastikan item yang dibekalkan memenuhi spesifikasi yang telah ditetapkan. Selain itu, rundingan harga juga telah dilaksanakan dengan

SOALAN NO : 23

semua pembekal bagi mendapatkan harga yang munasabah. Kerajaan akan sentiasa memastikan peruntukan yang mencukupi dalam memastikan wabak COVID-19 dapat diuruskan dengan baik dan terkawal.

3. Menyedari hakikat ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan langkah-langkah berikut bagi mengekang penularan jangkitan COVID-19 dalam kalangan masyarakat setempat:

- i. Memperkukuhkan dan meningkatkan kesiapsiagaan dalam menangani wabak ini antaranya dengan meningkatkan kapasiti fasiliti kesihatan dan peralatan perubatan untuk merawat pesakit, memastikan bekalan ubat sentiasa mencukupi, kesediaan makmal pada suatu tahap yang optimum bagi melaksanakan ujian pengesanan COVID-19 serta penubuhan pusat kuarantin dan rawatan berisiko rendah;
- ii. Bagi menangani kejadian pandemik COVID-19 ini secara berkesan, anggota KKM dari setiap peringkat perlu terlibat secara aktif sebagai suatu pasukan besar. Dalam menghadapi krisis dengan skala sebegini, semua pihak perlu saling melengkapi sebagai satu pasukan bagi memutuskan rantai jangkitan COVID-19 ini. Begitu juga dengan penglibatan pelbagai jentera kerajaan yang diterajui oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) selaku Sekretariat Kebangsaan COVID-19, bagi memastikan segala aktiviti kawalan dan pencegahan dapat dijalankan secara berkesan hingga ke peringkat akar umbi. Tidak dilupakan, ia turut melibatkan kerjasama yang diberikan oleh setiap peringkat dan lapisan masyarakat dalam memainkan peranan masing-masing – yang meliputi amalan kelaziman baharu dalam kehidupan seharian serta pematuhan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) seperti yang telah ditetapkan oleh kerajaan. Ianya dikenali sebagai *whole-of-government and whole-of-society approaches*;
- iii. Pengurusan kejadian kluster jangkitan COVID-19 secara berkesan dan menyeluruh melalui pengesanan kes secara aktif (*active case detection*) dalam kalangan kontak rapat yang dijejaki. Kluster yang berjaya dibendung dengan pantas melalui

SOALAN NO : 23

pendekatan tersebut akan dapat mengelakkan penularan jangkitan dari berlaku secara meluas dalam kalangan masyarakat setempat. Pengesanan kes secara aktif ini turut melibatkan aktiviti saringan bertumpu yang terdiri dari sembilan (9) kumpulan sasaran sebagaimana berikut:

- a) Para peserta tabligh yang menyertai perhimpunan di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur;
- b) Para pelajar tahfiz / madrasah di seluruh negara disebabkan rantai epidemiologi yang dikesan dalam kalangan mereka dengan peserta tabligh yang menyertai perhimpunan di Masjid Seri Petaling, Kuala Lumpur;
- c) Petugas perubatan dan kesihatan KKM;
- d) Penduduk di lokaliti yang diletakkan di bawah semua jenis Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD);
- e) Pengembara yang tiba dari luar negara;
- f) Peniaga pasar yang dikenalpasti mempunyai kaitan dengan kluster positif yang dikesan di Pasar Borong Kuala Lumpur;
- g) Pekerja bukan warganegara bagi sektor pembinaan dan keselamatan di sekitar Lembah Klang;
- h) Penghuni dan pekerja di Pusat Jagaan Warga Emas; dan
- i) Tahanan dan anggota yang bertugas di Depoh Tahanan Imigresen.

Sekian, terima kasih.